

## MEKANISME DASAR FISKAL ISLAM DALAM MENCAPAI OBJEKTIF MAKROEKONOMI: PENILAIAN DARI ASPEK INFLASI

**Yusmina Yusoff**

yusmina@psa.edu.my

**Rubiah Ismail**

rubiah@psa.edu.my

**Muhamad Hashim bin Ahmad**

[mhashim4225@gmail.com](mailto:mhashim4225@gmail.com)

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

---

### ARTICLE INFO

**Article history:**

Received : June 2015

Accepted : August 2015

Available online : January 2017

**Keywords:**

*Polisi Makroekonomi, Dasar Fiskal Islam, Inflasi*

---

### ABSTRACT

Kerajaan sesebuah negara menggunakan Polisi Makroekonomi untuk mencapai objektif ekonomi seperti pertumbuhan guna tenaga dan kestabilan inflasi. Dasar Fiskal Konvensional yang digunakan bagi mencapai Pertumbuhan Ekonomi tidak dapat mencapai objektif ekonomi sepenuhnya. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan Dasar Fiskal Islam bagi mengatasi masalah inflasi. Objektif seterusnya mengkaji persepsi dan kekangan sesebuah negara islam dalam melaksanakan Dasar Fiskal Islam. Metodologi kajian menggunakan kaedah diskriptif iaitu membuat tinjauan lapangan. Responden kajian seramai 40 orang dipilih dari kalangan pensyarah akademik Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Data yang dikutip diproses dengan perisian SPSS. Dapatkan kajian menunjukkan pelaksanaan Dasar Fiskal Islam lebih berkesan dalam menangani masalah inflasi dalam ekonomi. Semoga hasil kajian ini memberi maklumat yang signifikan yang menyumbang kepada pengayaan ilmu dalam disiplin berkenaan.

---

### 1.0 Pendahuluan

Dasar Fiskal Islam dan Dasar Fiskal Konvensional mempunyai objektif ekonomi yang sama iaitu mencapai pertumbuhan ekonomi, pengagihan kekayaan dan kestabilan harga (Sayyid Tahir, 2011; Faridi, 1983). Walaubagaimanapun matlamat kebijakan yang ingin dicapai adalah berbeza walaupun objektif kedua-duanya sama. Konsep kebijakan dalam Dasar Fiskal Islam lebih luas merangkumi kebijakan kebendaan di dunia dan kebijakan di akhirat.

Pelaksanaan Dasar Fiskal Islam perlu dijadikan alat bagi memenuhi lima prinsip asas maqasid syariah (Mohamad Yusuf 2006).

Dasar Fiskal Konvensional dilaksanakan di seluruh dunia termasuk di negara islam pada masa ini. Dasar Fiskal merujuk kepada instrumen yang melibatkan dua komponen utama iaitu perbelanjaan kerajaan dan sistem percukaian( Daviga dan Karunagaran, 2010). Dasar Fiskal dilaksanakan oleh pemerintah berdasarkan kepada situasi ekonomi yang berlaku dalam sesebuah negara samada Dasar Fiskal Mengembang atau Dasar Fiskal Menguncup.

### **1.1 Pensyariatan Zakat**

Bersandarkan kepada dalil *Qat'ie* atas pensyariatan zakat, antaranya Firman Allah dalam Surah Al- Baqarah ayat 83,

*“.....laksanakanlah solat dan tunaikanlah zakat, ....”*

Beberapa firman Allah lain yang turut dirakamkan berkaitan tuntutan berzakat antaranya seperti yang dinyatakan seperti berikut:

Surah Al-Baqarah ( 2:43,110,177 dan 277); Surah Al-Nisa' (4:77 dan 162); Surah Al-Maidah (5:12 dan 55), Surah Al-A'raf (7:156); Surah Al-Taubah (9:5, 11,18 dan 71); Surah Al-Anbiya (21:73); Surah Al-Hajj (22:41 and 78); Surah Al-Mu'minun (23:4); Surah An-Nur (24:37 and 56); Surah An-Naml (27:3); Surah Luqman (31 :4); Surah Al-Ahzab (33:33); Surah Fussilat (41 :7); Al-Mujadalah (58:13); Surah Al-Muzammil (73:20); Surah Al-Bayyinah (98:5).

Secara ringkasnya, semua ayat-ayat yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa adanya tuntutan berzakat. Zakat berperanan sebagai ibadat, persaudaraan dan ekonomi.

### **1.2 Latar Belakang**

Kitaran ekonomi telah diberi gambaran berdasarkan kepada Surah Yusuf ayat 47, 48 dan 49. Bersandarkan kepada ayat tersebut jelas menunjukkan wujudnya kitaran perniagaan dalam jangkaan masa satu pusingan lengkap hampir 14 tahun. Burda dan Wyplosz (1997) mengklasifikasi beberapa jenis kitaran perniagaan kepada Kitaran Kondratiff memerlukan kitaran lengkap dalam tempoh 40 hingga 60 tahun, Kitaran Kuznet (kitaran lengkap 15 hingga 20 tahun) dan Kitaran Kitchin ( 2 hingga 4 tahun).

Menurut Burda dan Wyplosz (1997), kitaran perniagaan yang berlaku di negara maju antara tahun 1970 hingga 1994 dirumuskan dalam jadual 1. Berdasarkan jadual 1, dapat dirumuskan kitaran perniagaan yang berlaku di negara maju mengambil masa untuk melengkapkan putaran perniagaan sekitar 11 hingga 16 tahun. Penemuan ini membuktikan bahawa kitaran ekonomi yang berlaku mempunyai persamaan yang seperti dinyatakan dalam Surah Yusuf sedangkan kedua-duanya telah berlaku dalam jarak masa yang beribu tahun.

Negara	Jumlah kitaran lengkap (bilangan)	Purata panjang kitaran (tahun)	Maksimum panjang kitaran (tahun)	Minimum panjang kitaran (tahun)
UK	2	10.5	14	7
Perancis	2	11.7	16	7.3
Jerman	2	12	16	8

Itali	3	8	13.7	3.7
Jepun	2	12	14.7	9.7
USA	3	7.3	11.7	2

**Jadual 1**

Berdasarkan jadual 1 juga, negara maju mengambil masa 11 hingga 16 tahun untuk melengkapkan kitaran perniagaan dengan melaksanakan Dasar Fiskal Konvensional. Persoalannya bagaimana pula dengan negara-negara Islam yang masih di dalam kategori negara membangun menggunakan Dasar Fiskal Konvensional sedia ada. Sudah pasti, tempoh pemulihan mengambil masa yang lebih lama daripada negara maju. Bertindak atas kesedaran ini, implementasi dasar fiskal Islam dipercayai dapat memberi kesan yang lebih positif bagi menangani masalah inflasi di negara Islam.

Negara Islam masih melaksanakan Dasar Fiskal Konvensional walaupun mempunyai peluang dan ruang untuk melaksanakan Dasar Fiskal Islam. Instrumen zakat yang dimasukkan dalam komponen Dasar Fiskal Islam amnya bukanlah bertujuan menafikan keberkesanan kadar penstrukturancukai konvensional dan perbelanjaan kerajaan. Peranan zakat dilihat sebagai satu alternatif bagi menstruktur dan membantu komponen cukai dan perbelanjaan kerajaan agar berfungsi dengan baik.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Krisis ekonomi global dan kewangan akhir dekad 90-an yang melanda seluruh Asia Tenggara memperlihatkan kelemahan dalam Dasar Fiskal dan lain-lain dasar ekonomi. Di Malaysia sebagai contohnya, berlaku peningkatan inflasi dari tahun 2010 sehingga tahun 2014 yang mana pada tahun 2010, inflasi adalah sebanyak 1.7% meningkat kepada 3.1% pada tahun 2014(Laporan Bank Dunia, 2015). Kemelesetan ekonomi yang berlaku menyebabkan kejatuhan nilai mata wang akibat kegiatan spekulasi yang dimainkan oleh beberapa individu dalam pasaran (BNM 2014) Tiga dasar ekonomi utama iaitu Dasar Fiskal, Dasar Kewangan dan Dasar Kawalan Langsung yang dilaksanakan oleh kerajaan memberi kesan minimum dan memerlukan masa untuk pemulihan ekonomi.

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah:

- 1) Mengenalpasti mekanisme Dasar Fiskal Islam dalam mengatasi jurang inflasi secara teoritikal.
- 2) Mengkaji persepsi pelaksanaan Dasar Fiskal Islam di negara Islam.
- 3) Mengkajikekangan pelaksanaan Dasar Fiskal Islam di negara Islam.

### **1.5 Kepentingan kajian**

Kepentingan kajian ini ialah memberi penjelasan berkaitan mekanisme Dasar Fiskal Islam yang mempunyai hubungan signifikan kepada mengurangkan jurang inflasi dalam ekonomi iaitu kesan perbelanjaan kerajaan, struktur percuakan dan zakat. Selain itu, kepentingan kajian memperlihatkan persepsi dan kekangan pelaksanaan Dasar Fiskal Islam dalam sesebuah Negara Islam.

### **2.0 Ulasan Kepustakaan**

Terdapat beberapa kajian lepas dengan mengambil kira kertas seminar dan tesis sebagai rujukan bagi mendapatkan maklumat serta huraiyan yang jelas mengenai Dasar Fiskal Islam. Kertas kajian dan tesis mengenai Dasar Fiskal yang dihuraikan melibatkan huraiyan dalam komponen Dasar Fiskal Islam. Malah terdapat kajian yang menerangkan mengenai

keberkesanan peranan zakat bagi membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf sosial masyarakat. Ini merupakan salah satu alternatif bagi menangani masalah yang wujud dalam Dasar Fiskal Konvensional yang telah diperlakukan sekian lama oleh hampir kebanyakan negara-negara dunia termasuk negara Islam.

Inflasi ditafsirkan oleh ahli ekonomi sebagai kenaikan tingkat harga umum bagi barang dan perkhidmatan yang berlaku secara menyeluruh. Kadar inflasi menjadi petunjuk kepada ukuran kestabilan tingkat harga umum dan kos hidup rakyat (Sarimah dan Abd. Rashid, 2014; Daviga dan Karunagaran, 2010). Pakar-pakar ekonomi berpendapat inflasi berpunca daripada lebih banyak perbelanjaan semasa ekonomi dalam keadaan guna tenaga penuh, kenaikan kos pengeluaran dan kenaikan harga import. Kesan Inflasi terhadap ekonomi antaranya penurunan kuasa beli wang sekaligus menurun taraf hidup rakyat walaupun berpendapatan. Untuk mengatasi inflasi, Dasar Fiskal Mengucup atau Bajet Surplus dijalankan. Ini bermakna sebuah kerajaan akan mengurangkan jumlah perbelanjaan kerajaan atau menaikkan kadar percukaian atau kedua-dua serentak.

Sayyid Tahir (2011) dalam "*Fiscal and Monetary Policies in Islamic Economics: Contours of an Institutional Framework*" menggariskan rangka kerja institusi bagi melaksanakan dasar-dasar ekonomi dari perspektif ekonomi Islam. Dasar Fiskal adalah dasar yang berfungsi melalui perbelanjaan kerajaan dan percukaian, manakala Dasar Monetari adalah dasar yang menggunakan pengurusan kewangan. Kedua-dua dasar ini saling melengkapi antara satu sama lain.

Mohammed bin Yusoff (2006), dalam "*Fiscal Policy in an Islamic Economy and the Role of Zakah*" menggabungkan zakat ke dalam model mudah makroekonomi ekonomi Islam untuk menganalisis kesan zakat pada penentuan pendapatan keseimbangan pendapatan negara dan bagaimana zakat memainkan peranan dalam permintaan polisi pengurusan.

Dimas Bagus dan Raditya Sukmana (2010) dalam "*The Power Of Zakah In Poverty Alleviation*" pula membincangkan dua fenomena terhadap pertumbuhan ekonomi pada abad ke 20. Sebahagian negara mencapai pertumbuhan ekonomi luar biasa dan sebahagian negara masih bergelut untuk membasmi kemiskinan. Persidangan PBB pada 1990, mencadangkan dan dipersetujui oleh semua negara untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang 2015. Tingkat harga tinggi atau inflasi juga menyebabkan masyarakat berada dibawah paras kemiskinan. Ini kerana pendapatan diperolehi diimbangi dengan kenaikan harga semasa. Berdasarkan itu ini, negara-negara Islam perlu memerangnya menggunakan institusi budaya dan keagamaan termasuk peranan zakat.

Metwally (1983) dalam "*Fiscal Policy in an Islamic Economy*" membincangkan dan menyiasat tentang perbezaan asas antara Dasar Fiskal dalam ekonomi Islam dan bukan Islam. Kajian tersebut menunjukkan perbezaan yang ketara dalam peranan polisi fiskal, objektifnya, ukuran-ukuran dan mekanisme dalam dua jenis ekonomi. Kajian tersebut dapat menentukan kesan zakat kepada fungsi penggunaan dan permintaan pelaburan dalam ekonomi Islam.

Hailani (2009) dalam "Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa" mengupas secara terperinci konsep agihan zakat, amalan yang sedang diperlakukan dan proses agihan zakat lebih adil dari segi tuntutan syarak. Untuk tujuan itu, kefahaman hakikat sistem zakat perlu ditingkatkan supaya institusi zakat mampu diangkat menjadi sistem perdana. Kefahaman yang jelas tentang konsep dan teori agihan zakat kepada asnaf seperti yang dinaskan dalam surah Al-Taubah mampu memperkasakan sistem zakat sebagai asas infrastruktur pembangunan sosioekonomi ummah.

Mohd Najib dan Hasan Hafizi (2009) dalam "*Sistem Negara Islam: Satu Tinjauan*" meninjau Islam sebagai satu cara hidup yang syamil. Di dalam Islam terkandung muamalah, munakahat, ibadah, dan jinayah. Aspek kenegaraan merupakan sebahagian aturan yang melintasi semua perkara di atas serta mencakupi keseluruhan permasalahan di dalam kehidupan seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan politik.

Muhamad Hashim dan Norsham (2015) menyatakan Dasar Fiskal dapat membantu pemuliharaan ekonomi samada masalah inflasi atau pengangguran. Kajian lanjutnya mendapati

Dasar Fiskal Islam berpotensi untuk memberi lebih impak melalui peranan yang dimainkan oleh komponen perbelanjaan penerima zakat. Ini kerana dalam Dasar Fiskal Islam, komponen zakat diambil kira bersama perbelanjaan kerajaan dan percuakaian (Mohamad, 2006).

### **3.0 Metodologi Kajian**

Dalam disiplin penyelidikan, dapatan kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian. Reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajian. Kesilapan dalam memilih reka bentuk kajian yang tidak relevan, hasil dapatan adalah kurang tepat. Natijahnya, ini mendatangkan kesan negatif kepada pengkaji lain yang membuat rujukan terhadap hasil dapatan kajian tersebut. Terdapat tiga reka bentuk utama dalam penyelidikan iaitu reka bentuk eksperimental benar, reka bentuk kuasi-eksperimental dan reka bentuk bukan eksperimental (Chua 2006a, 2012).

#### **3.1 Reka bentuk diskriptif**

Reka bentuk kajian ini berbentuk diskriptif iaitu melakukan soal selidik. Seramai 40 pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz dipilih sebagai sampel dari jumlah keseluruhan 45 pensyarah. Menurut Mohd Majid (1990), kajian diskriptif dilakukan bagi menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dengan menganalisis data yang diperolehi melalui instrumen yang tertentu seperti soal selidik. Menurut Sidek (1998), kajian deskriptif juga bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.

#### **3.2 Ujian Rintis**

Ujian rintis atau pilot test dilakukan bagi memastikan item yang diuji adalah kebolehpercaya. Ujian rintis sebanyak 30 sampel staf Politeknik dirumuskan seperti dalam jadual 2. Bagi item dalam Bahagian B(a) memperolehi nilai Cronbach's Alpha 0.900 daripada 11 item diujilari mempunyai nilai kesahan yang tinggi.

Bagi item dalam Bahagian B(b), nilai Cronbach's Alpha 0.845 melepas 0.6 yang ditetapkan. Ini membuktikan item-item yang diuji mempunyai kesahan yang tinggi. Begitu juga item dalam Bahagian C, nilai Cronbach's Alpha 0.733 melepas 0.6 yang ditetapkan. Ini membuktikan item-item yang diuji mempunyai kesahan yang tinggi.

Reliability Statistics

Bahagian Soalan	Cronbach's Alpha	N of Items
Bahagian B(a)	0.900	11
Bahagian B(b),	0.845	12
Bahagian C	0.733	10

Jadual 2

#### **3.3 Prosedur Pengukuran Kajian**

Terdapat beberapa jenis skala pengukuran piawai yang telah diterima umum dalam disiplin penyelidikan. Skala pengukuran piawai yang popular dalam ilmu sains sosial dan pendidikan ialah skala Likert oleh Rensis Likert (1932) dan skala Thurstone oleh Louis Thurstone. Berdasarkan skala-skala tersebut, maka analisis data boleh dilakukan. Antaranya, Ujian Khi Kuasa Dua, Ujian-t, Ujian-F, Ujian ANOVA, Ujian Korelasi dan Regresi dapat dijalankan untuk membantu menguatkan hujah dapatan (Chua 2006b, 2009, 2012, Gujarati dan Porter (2009), Stock dan Watson (2012). Data mentah yang dikutip telah diproses dengan menggunakan SPSS versi 20.

### **4.0 Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu dapatan berdasarkan kajian secara teoritikal dan dapatan daripada kaji selidik.

#### **4.1 Dapatan Secara teoritikal**

Terdapat beberapa model teori yang telah dikemukakan bagi melihat secara dekat mengenai peranan zakat sebagai instrumen dalam mekanisme Dasar Fiskal Islam, rujukan mendalam tentang teori Dasar Fiskal Islam oleh Faridi (1983), Metwally (1983) dan Manzer Kahf (1983). Selain itu, model Dasar Fiskal Islam yang dikemukakan oleh Muhamad Yusoff (2006) dan Dimas Bagus dan Raditya Sukmana (2010), Muhamad Hashim (2015) turut dirujuk. Berdasarkan kepada model-model tersebut, kajian ini mengemukakan model Dasar Fiskal Islam mengambilkira instrumen zakat bagi mengatasi inflasi dalam ekonomi. Model ekonomi barat juga dirujuk tetapi dibangunkan berdasarkan pendekatan islamisasi dalam membantu merealisasikan model Dasar Fiskal Islam ini.

##### **4.1.1 Komponen Dasar Fiskal Islam**

Dasar Fiskal Islam merupakan dasar yang mempunyai matlamat yang sama seperti dasar fiskal konvensional iaitu menangani permasalahan ekonomi (Muhamad, 2006). Terdapat tiga komponen iaitu komponen perbelanjaan kerajaan, penstrukturran cukai dan perbelanjaan penerima zakat.

Perbelanjaan kerajaan adalah perbelanjaan yang melibatkan aktiviti pentadbiran bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Dalam amalan Negara islam, cukai merangkumi kharaj dan ushr, jizyah dan 'usyur (Mohammmad Abdul Manan,1992). Cukai-cukai moden turut diambilkira seperti cukai pintu. Sumber zakat daripada zakat fitrah dan zakat harta benda seperti zakat tanaman, zakat pendapatan, zakat perniagaan dan sebagainya. Perbelanjaan penerima zakat terdiri daripada lapan golongan asnaf.

##### **4.1.2 Mekanisme Dasar Fiskal semasa inflasi**

Komponen dalam Dasar Fiskal Konvensional yang digunakan ialah perbelanjaan kerajaan dan percukaian. Manakala Dasar Fiskal Islam ditambah dengan komponen perbelanjaan oleh penerima zakat. Dasar Fiskal Islam akan dimasuk dalam model keseimbangan Pendapatan Negara untuk melihat kesan sebenar.

Model keseimbangan ekonomi yang digunakan untuk membuat analisis perkembangan ekonomi setelah mengambil kira pelaksanaan Dasar Fiskal adalah seperti persamaan 1. Persamaan ini telah dikemukakan oleh teori barat dan Islam, yang dipelopori oleh Alfred J.Smith, Keynes, dan Muhammad Yusof.

$$Y = C + I + G \longrightarrow 1$$

Bagi kertas penyelidikan ini, model keseimbangan ekonomi berdasarkan ekonomi tertutup iaitu ekonomi tiga sektor sebagai asas analisis, dengan mengambil kira peranan zakat sebagai tambahan kepada komponen dalam Dasar Fiskal Islam. Maka model yang dibentuk berdasarkan persamaan 1 ialah :

$$Y = C_0 + I_0 + G_0 + Z_e \longrightarrow 2$$

Dimana :

$Y$  = Pendapatan Negara

$C_0$  = Perbelanjaan isi rumah

$I_0$  = Pelaburan Swasta dan Awam

$G_0$  = Perbelanjaan Kerajaan

$Z_e$  = Perbelanjaan penerima Zakat

Sewaktu ekonomi mengalami inflasi atau berlaku peningkatan harga umum dalam ekonomi, keseimbangan ekonomi yang ditunjukkan oleh pendapatan Negara ( $Y_0$ ) berdasarkan persamaan berikut :

$$Y_0 = C_0 + I_0 + G_0 \longrightarrow 3$$

Persamaan 3 merujuk kepada keseimbangan Pendapatan Negara sewaktu inflasi dalam ekonomi. Merujuk kepada Rajah 1, keseimbangan dicapai pada  $E_o$  pada tingkat Pendapatan Negara ( $Y_o$ ) lebih tinggi daripada tingkat Pendapatan Negara guna tenaga penuh ( $Y_F$ ). Keadaan ini mencerminkan ekonomi berada jauh di atas tingkat pendapatan negara guna tenaga penuh. Pada keadaan ini, jurang inflasi tinggi dalam ekonomi.

Bagi menyelesaikan inflasi ini, Dasar Fiskal Konvensional yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan ialah dengan mengubah komponen perbelanjaan kerajaan dan percukaian. Kesannya komponen perbelanjaan kerajaan ( $G$ ) dikurangkan atau cukai dinaikkan ( $T$ ) atau melaksanakan kedua-dua serentak. Cukai yang dinaikkan akan menyebabkan penurunan dalam perbelanjaan isi rumah menjadi  $C_1 < C_0$ . Ini ditanda dengan persamaan 4:


$$Y_1 = C_1 + I_0 + G_1 \dots > 4$$

Persamaan 4 merujuk kepada penyelesaian oleh Dasar Fiskal Konvensional semasa inflasi dalam ekonomi. Merujuk kepada Rajah 2, keseimbangan dicapai pada  $E_1$  pada tingkat Pendapatan Negara ( $Y_1$ ) iaitu lebih tinggi daripada tingkat Pendapatan Negara guna tenaga penuh ( $Y_F$ ). Keadaan ini mencerminkan Dasar Fiskal Konvensional yang dijalankan masih belum berjaya sepenuhnya menyelesaikan masalah inflasi yang berlaku dalam ekonomi.

Cadangan alternatif ialah pelaksanaan Dasar Fiskal Islam sebagai ganti Dasar Fiskal Konvensional. Akibat  $C_1 < C_o$ , maka jumlah zakat yang terkumpul juga telah berkurangan. Maka persamaan 5 diperolehi dengan tambahan komponen perbelanjaan penerima zakat.

$$Y_2 = C_1 + I_o + G_1 + Z_e \longrightarrow 5$$

Merujuk kepada Rajah 1, keseimbangan Pendapatan Negara Y, dicapai pada tingkat ( $Y_2$ ) bersamaan atau menghampiri tingkat guna tenaga penuh ( $Y_F$ ). Keseimbangan Pendapatan Negara berubah daripada  $E_1$  ke  $E_2$ . Ini menunjukkan bahawa Dasar Fiskal Islam yang dilaksanakan lebih berkesan berbanding Dasar Fiskal Konvensional.



Rumusannya, terdapat perubahan yang besar berlaku apabila peranan perbelanjaan penerima zakat ( $Z_e$ ) di ambilkira dalam kompenan keseimbangan Pendapatan Negara. Kesannya tingkat keseimbangan negara akan bergerak menghampiri tingkat pendapatan negara guna tenaga penuh berbanding Dasar Fiskal Konvensional. Apabila ekonomi berada dalam keadaan inflasi dan dijangkakan keadaan ini berlanjutan dan bertambah buruk, maka penurunan jumlah permintaan (AE), yang disebabkan oleh penurunan perbelanjaan kerajaan, atau oleh kenaikan cukai atau kombinasi kedua-duanya ditambah dengan komponen perbelanjaan penerima zakat, dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Sekaligus mengurangkan jumlah inflasi dalam ekonomi walaupun terpaksa mengalami kos lepas penyusutan Pendapatan Negara.

#### 4.2 Dapatan Secara Kajian

Dapatan kedua bagi menjawab objektif kajian kedua adalah berdasarkan analisis daripada SPSS. Berdasarkan jadual 2 dan lampiran 1, persepsi responden dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan mewakili masyarakat berpengetahuan makroekonomi mempunyai skor min tertinggi sebanyak 4.05 iaitu responden bersetuju terhadap pelaksanaan DFI di negara Islam. Seterusnya, skor min kedua tertinggi ialah 3.95 iaitu responden tahu bebanan hutang negara bertambah disebabkan lebihan perbelanjaan kerajaan dalam DFK. Seterusnya, skor min ketiga ialah 3.93 iaitu responden faham DFI adalah alternatif polisi yang dapat mengatasi kelemahan sedia ada dalam DFK. Skor min keempat tertinggi ialah responden tahu pelaksanaan DFI bertujuan untuk mengatasi masalah inflasi iaitu skor min 3.90. Rumusannya, responden mempunyai persepsi positif terhadap pelaksanaan Dasar Fiskal Islam dalam usaha mengatasi masalah inflasi.

Item	Mean	Std. Deviation	Variance
Saya bersetuju terhadap pelaksanaan DFI di negara Islam	4.05	0.677	0.459
Saya tahu bebanan hutang negara bertambah disebabkan lebihan perbelanjaan kerajaan dalam DFK	3.95	0.597	0.356
Saya faham DFI adalah alternatif polisi yang dapat mengatasi kelemahan sedia ada dalam DFK	3.93	0.616	0.379
Saya tahu pelaksanaan DFI bertujuan untuk mengatasi masalah inflasi	3.90	0.778	0.605

Jadual 2

Berdasarkan keputusan Ujian-ANOVA dalam jadual 3, nilai signifikan 0.00 menunjukkan signifikan antara variable peramal dengan variable bersandar. Ini mencerminkan hubungan positif kepada persepsi pelaksanaan Dasar Fiskal Islam di Negara Islam

ANOVA<sup>b</sup>

Model	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1 Regression	17.329	11	1.575	7.296	.000 <sup>a</sup>
Residual	6.046	28	.216		
Total	23.375	39			

- a. Predictors: (Constant), Saya yakin DFI dapat mengatasi sepenuhnya masalah inflasi di Malaysia, Saya tahu impak DFK memerlukan masa yang lama untuk keberkesanan, Saya tahu instrument DFI terdiri daripada cukai, perbelanjaan kerajaan dan zakat, Saya tahu perbelanjaan kerajaan dalam DFI dapat menyediakan infrastruktur yang lebih baik kepada orang awam, Saya bersetuju terhadap pelaksanaan DFI di negara Islam, Saya boleh membezakan DFI dan DFK, Saya tahu sistem cukai dalam DFK membebankan rakyat, Saya tahu perbelanjaan dalam DFK meningkatkan defisit belanjawan negara, Saya faham berkenaan Dasar Fiskal Konvensional (DFK), Sistem cukai dalam DFI membebankan rakyat, Saya tahu pelaksanaan DFI bertujuan untuk mengatasi masalah inflasi
- b. Dependent Variable: Saya faham berkenaan Dasar Fiskal Islam (DFI)

Jadual 3

Dapatan seterusnya bagi menjawab objektif kajian ketiga juga berdasarkan kepada analisis SPSS. Berdasarkan jadual 4 dan lampiran 2, nilai skor min tertinggi ialah 3.87 daripada 40 responden iaitu konflik pembayar zakat dan pembayar cukai. Seterusnya skor min kedua tertinggi ialah 3.77 iaitu Keutamaan sekarang adalah memantapkan sistem pungutan dan agihan zakat. Seterusnya skor min ketiga tertinggi ialah 3.75 iaitu kekurangan pakar dalam dan profesional Islam dalam melaksanakan Dasar Fiskal Islam. Rumusannya bahawa ketiga-tiga faktor tersebut menjadi faktor utama dikenalpasti sebagai kekangan kepada pelaksanaan Dasar Fiskal Islam di Negara Islam.

Item	Mean	Std. Deviation	Variance
Saya tahu wujudnya konflik pembayar zakat dan pembayar cukai	3.87	0.686	0.471
Keutamaan sekarang adalah memantapkan sistem pungutan dan agihan zakat	3.77	0.698	0.487
Saya tahu wujud kekurangan kepakaran dan profesional Islam dalam melaksanakan DFI	3.75	0.899	0.808
Saya tahu tiada negara Islam moden hari ini melaksanakan DFI	3.52	0.979	0.658

Jadual 4

Ini diperkuat lagi dapatan dalam Jadual 5. Nilai signifikan 0.00 dalam Ujian-ANOVA mengesahkan tidak relevannya pelaksanaan Dasar Fiskal Islam pada masa ini.

#### ANOVA<sup>b</sup>

<b>Model</b>	<b>Sum of Squares</b>	<b>df</b>	<b>Mean Square</b>	<b>F</b>	<b>Sig.</b>
1      Regression	39.434	8	4.929	7.512	.000 <sup>a</sup>
Residual	20.341	31	.656		
Total	59.775	39			

*a. Predictors: (Constant), Saya tahu wujudnya konflik pembayar zakat dan pembayar cukai, Saya tahu tiada negara islam moden hari ini melaksanakan DFI, Saya tahu wujud kekurangan kepakaran dan profesional Islam dalam melaksanakan DFI, Saya tidak yakin DFI dapat menyelesaikan masalah inflasi dalam ekonomi, Saya tahu penguatkuasaan undang-undang pembayaran zakat masih lemah, Saya tahu tiada kajian mendalam tentang DFI, Saya tahu pendidikan tentang DFI belum meluas, Keutamaan sekarang adalah memantapkan sistem pungutan dan agihan zakat*

*b. Dependent Variable: Saya tahu DFI tidak sesuai dilaksanakan di negara islam membangun*

Jadual 5

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga objektif kajian telah dicapai. Pelaksanaan Dasar Fiskal Islam dapat dilihat kesan pengurangan jurang inflasi dalam ekonomi. Bagi objektif kedua bagi melihat persepsi pelaksanaan Dasar Fiskal Islam juga dicapai. Responden bersetuju terhadap pelaksanaan DFI di negara Islam, ahu bebanan hutang negara bertambah dalam DFK dan responden faham DFI adalah alternatif polisi yang dapat mengatasi kelemahan sedia ada dalam DFK. Bagi objektif ketiga, kekangan dalam melaksanakan Dasar Fiskal Islam ialah konflik pembayar zakat dan pembayar cukai, keperluan memantapkan sistem kutipan dan agihan zakat, dan kekurangan tenaga profesional islam dalam bidang Dasar Fiskal Islam.

## 5.0 Kesimpulan

Dasar Fiskal Islam mempunyai implikasi positif dalam pelaksanaannya bagi mengatasi masalah makroekonomi berbanding Dasar Fiskal Konvensional. Teoritikal dan penyelidikan menunjukkan hubungan signifikan peranan perbelanjaan penerima zakat dalam membantu mengurang kesan inflasi dalam ekonomi. Oleh itu, usaha-usaha perlu digemblng antara umara' dan ulama dalam menggerakkan Dasar Fiskal Islam sebagai dasar utama untuk mencapai objektif ekonomi.

Kempen-kempen kesedaran mengenai peranan zakat perlu dijatkan melalui media masa dan elektronik bagi memastikan individu muslim tidak mengabaikan kewajipan berzakat. Melalui saluran ini, hebatan zakat dapat disampaikan lebih cepat. Usaha Lembaga Zakat Selangor melalui pewartaan Kerajaan Negeri mewajibkan penjawat awam yang bertugas di negeri tersebut membuat potongan zakat sangat dialu-alukan.

Selain itu, institusi yang bertanggungjawab kepada pengurusan zakat seperti Lembaga Zakat Selangor, Pusat Zakat Wilayah Persekutuan hendaklah mamainkan peranan yang proaktif dalam pengagihan zakat yang diterima. Ini kerana, agihan sistem pengagihan zakat yang sempurna, telus dan sistematik (Hairunizam Wahid et.al, 2009) dapat memberi impak yang besar ke atas penyelesaian kemelut ekonomi.

## Rujukan

- [1]Quran al Karim
- [2]Bank Negara Malaysia (2014). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Bank Negara Malaysia.
- [3]Burda dan Wyplosz (1997). *Macroeconomics: A European Text*. Oxford University Press.
- [4]Chua, Y. P. (2006a). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- [5]Chua, Y. P. (2006b). *Asas Statistik Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill.
- [6]Chua, Y. P. (2009). *Statistik Penyelidikan Lanjutan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- [7]Chua Y. P. (2012). *Mastering Research Methods*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- [8]Denzin, N.K. (2001). *Handbook of qualitative research*. 2nd ed. Thousand Oaks. CA: Sage Publications Ltd.
- [9]Deviga Vengedasalam dan Karunagaran Madhavan (2010). *Principles of Economics. Second Edition*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- [10] Bagus Wiranata Kusuma dan Raditya Sukmana, (2010). *Zakah in Poverty Alleviation*, Seventh International Conference-The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, UKM Bangi.
- [11]Faridi, F. R. (1983). *A Theory of Fiscal Policy in an Islamic State*. International Centre for Research in Islamic Economics King Abdulaziz University, Jeddah and Institute of Policy Studies, Islamabad.
- [12]Gujarati D.N. dan Porter, D.C. (2009). *Basic Econometrics*. Fifth Edition. Boston: McGraw Hill.
- [13]Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2009). *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*. Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009.
- [14] Muji Tahir (2009). *Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa*, Jurnal Pengurusan Jauhar Vol 3, No 1, 2009, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Malaysia, Putrajaya.
- [15]Manzer Kahf (1983). *Taxation Policy in an Islamic Economy, Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam*. International Centre for Research in Islamic Economics King Abdulaziz University, Jeddah and Institute of Policy Studies, Islamabad.
- [16]Metwally, M. M. (1983). *Fiscal Policy in an Islamic Economy*, International Centre for Research in Islamic Economics King Abdulaziz University, Jeddah and Institute of Policy Studies, Islamabad.

- [17] Mohammed bin Yusoff (2006). *Fiscal Policy In an Islamic Economy and The Role of Zakat*. IIUM Journal of Economics and Management, The International Islamic University Malaysia.
- [18] Muhamad Hashim Ahmad dan Norsham Alias (2015). *Mekanisme Dasar Fiskal Islam Mengatasi Masalah Makroekonomi: Penilaian dari Aspek Kemelesetan Ekonomi*. Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi 2015. Banting: Politeknik Banting.
- [19] Abdul Manan,(1992). *Ekonomi Islam: Teori dan Prakti*, A.S Noordeen, Kuala Lumpur.
- [20] Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Edisi Ke-7*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [21] Mohd Najib Syukri Saghir & Hassan Hafizi Hanapi (2009). Sistem Negara Islam Satu, Jurnal Pengurusan Jawhar Vol 3, No 1, 2009, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Malaysia, Putrajaya.
- [22] Aman Shah dan Abd. Rashid Mohd Ali (2014). *Principles of Economics*. Cetakan kedua. Shah Alam: Oxford Fajar.
- [23] Sayyid Tahir (2011). *Fiscal and Monetary Policies in Islamic Economics: Contours of an Institutional Framework*. 8<sup>th</sup> International Conference on Islamic Economics & Finance, 19–21 December 2011, Doha, Qatar.
- [24] Sidek Mohd Noah. (1998). *Pengujian dalam Psikologi dan Kaunseling Untuk Pelajar Psikologi dan Kaunseling*. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- [25] Stock, J.H. dan Watson, M.M. (2012). *Introduction to Econometrics*. Third Edition. Boston: Pearson Education Limited
- [26] Thurstone, L.L. (1928). *Attitudes can be measured*. American Journal of sociology.

**Lampiran 1****Descriptive Statistics**

	N	Mean		Std. Deviation	Variance
		Statistic	Statistic	Std. Error	Statistic
Saya faham berkenaan Dasar Fiskal Konvensional (DFK)	40	3.60	.142	.900	.810
Saya tahu instrumen DFK terdiri daripada cukai dan perbelanjaan kerajaan	40	3.83	.123	.781	.610
Saya faham berkenaan Dasar Fiskal Islam (DFI)	40	3.62	.122	.774	.599
Saya tahu instrument DFI terdiri daripada cukai, perbelanjaan kerajaan dan zakat	40	3.90	.106	.672	.451
Saya tahu pelaksanaan DFI bertujuan untuk mengatasi masalah inflasi	40	3.90	.123	.778	.605
Saya tahu DFI telah dilaksanakan semasa zaman pemerintahan Uthmaniyyah @ seangkatan	40	3.65	.122	.770	.592
Saya boleh membezakan DFI dan DFK	40	3.65	.116	.736	.541
Saya faham DFI adalah alternatif polisi yang dapat mengatasi kelemahan sedia ada dalam DFK	40	3.93	.097	.616	.379
Saya tahu DFK dapat mengatasi kelemahan tanpa campurtangan DFI	40	3.00	.134	.847	.718
Saya bersetuju terhadap pelaksanaan DFK di negara Islam	40	3.08	.140	.888	.789

Saya bersetuju terhadap pelaksanaan DFI di negara Islam	40	4.05	.107	.677	.459
Saya tahu DFK dapat mengatasi sepenuhnya masalah inflasi di Malaysia	40	3.40	.133	.841	.708
Saya tahu impak DFK memerlukan masa yang lama untuk keberkesanan	40	3.43	.133	.844	.712
Saya tahu sistem cukai dalam DFK membebankan rakyat	40	3.80	.073	.464	.215
Saya tahu perbelanjaan kerajaan dalam DFK dapat menyediakan infrastruktur yang lebih baik kepada orang awam	40	3.58	.133	.844	.712
Saya tahu perbelanjaan dalam DFK meningkatkan defisit belanjawan negara	40	3.68	.140	.888	.789
Saya tahu bebanan hutang negara bertambah disebabkan lebihan perbelanjaan kerajaan dalam DFK	40	3.95	.094	.597	.356
Saya tahu impak DFI memerlukan masa yang lama untuk keberkesanan	40	3.68	.126	.797	.635
Sistem cukai dalam DFI membebankan rakyat	40	3.65	.105	.662	.438
Saya tahu perbelanjaan kerajaan dalam DFI dapat menyediakan infrastruktur yang lebih baik kepada orang awam	40	3.65	.098	.622	.387
Saya yakin DFI dapat mengatasi sepenuhnya masalah inflasi di Malaysia	40	3.73	.119	.751	.563

Perbelanjaan kerajaan dalam DFI meningkatkan defisit belanjawan negara	40	3.65	.132	.834	.695
Bebanan hutang negara bertambah disebabkan lebihan perbelanjaan kerajaan dalam DFI	40	3.75	.128	.809	.654
Valid N (listwise)	40				

Lampiran 2

Descriptive Statistics

	N	Mean		Std. Deviation	Variance
	Statistic	Statistic	Std. Error	Statistic	Statistic
Saya tidak yakin pelaksanaan DFK berjaya menyelesaikan masalah inflasi dalam ekonomi	40	3.13	.148	.939	.881
Saya tidak yakin DFI dapat menyelesaikan masalah inflasi dalam ekonomi	40	3.02	.162	1.025	1.051
Saya tahu wujud kekurangan kepakaran dan profesional Islam dalam melaksanakan DFI	40	3.75	.142	.899	.808
Saya tahu DFI tidak sesuai dilaksanakan di negara islam membangun	40	3.43	.196	1.238	1.533
Saya tahu tiada negara islam moden hari ini melaksanakan DFI	40	3.62	.155	.979	.958
Saya tahu tiada kajian mendalam tentang DFI	40	3.55	.134	.846	.715
Saya tahu pendidikan tentang DFI belum meluas	40	3.15	.191	1.210	1.464
Saya tahu penguatkuasaan undang-undang pembayaran zakat masih lemah	40	3.43	.129	.813	.661

Keutamaan sekarang adalah memantapkan sistem pungutan dan agihan zakat	40	3.77	.110	.698	.487
Saya tahu wujudnya konflik pembayar zakat dan pembayar cukai	40	3.87	.109	.686	.471
Valid N (listwise)	40				